

# Tambahan RM4.3 bilion

26 SEP 2001

Oleh Wan Hazmir Bakar

PUTRAJAYA, Selasa – Kerajaan hari ini mengumumkan pakej rangsangan baru membabitkan peruntukan tambahan RM4.3 bilion bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal pada paras positif berikutan keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu kesan pergolakan di Amerika Syarikat.

Mengumumkan pakej itu pada sidang akhbar di pejabatnya di sini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan yakin pelaksanaan pakej itu dapat mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara sekitar satu hingga dua peratus tahun ini.

Malaysia sebelum ini meramalkan pertumbuhan ekonomi di antara empat dan lima peratus bagi 2001, tetapi kelembapan ekonomi Amerika dan perkembangan terkini akibat serangan penganas

## Reaksi pakar ekonomi di muka 16

di negara itu dijangka memberi kesan negatif terhadap ekonomi dunia.

Perdana Menteri berkata, sekiranya kerajaan tidak berbuat apa-apa, ekonomi negara akan turut terjejas, tetapi dengan pelaksanaan pakej itu sekurang-kurangnya Malaysia dapat mengelakkan kesan yang lebih teruk.

Beliau berkata, peruntukan tambahan itu yang akan dibelanjakan sepanjang tiga bulan terakhir tahun ini, antara lain membabitkan:

- Projek pembangunan kecil luar bandar dan pembangunan terpilih bandar bernilai RM1 bilion.

**Belanjawan 2002 akan dibentangkan pada 19 Oktober ini, seminggu lebih awal berbanding kebiasaannya yang dibuat pada Jumat terakhir setiap Oktober.**

- Penggandaan kadar bantuan kebajikan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat bagi membantu keluarga miskin yang dianggarkan bernilai RM80 juta setahun.

- Peruntukan khas bagi menaik taraf tadika yang dikendalikan Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas).

- Tambahan RM300 juta bagi menaik taraf dan kerja penyelenggaraan bangunan-bangunan kerajaan, kuarters dan kemudahan lain, terutama sekolah, balai polis dan prasarana luar bandar.

- Tambahan RM300 juta bagi membina makmal komputer di 2,000 sekolah.

- Elaun sementara RM500 sebulan kepada 10,000 pemegang ijazah dan diploma untuk mempelajari bidang teknologi maklumat (IT), matematik dan bahasa membabitkan kos RM150 juta sehingga akhir tahun depan.

- Peruntukan RM150 juta bagi melatih pekerja yang diberhentikan.

- Membaiki syarat dan memudahkan

**LIHAT MUKA 2**

# Pakej jana kegiatan ekonomi

## DARI MUKA 1

pembiayaan di bawah dana khas sedia ada bagi syarikat kecil dan sederhana, dan

- Mempertingkatkan usaha penggalakkan pelancongan dengan peruntukan RM110 juta.

Mac lalu, Dr Mahathir mengumumkan pakej rancangan fiskal RM3 bilion sebagai peruntukan tambahan kepada Belanjawan 2001 berjumlah RM28 bilion dalam usaha menangani kesan kelembapan ekonomi Amerika.

Pada sidang akhbar hari ini, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan akan turut mengumumkan langkah tambahan lain menerusi pakej baru itu dalam Belanjawan 2002 pada 19 Oktober ini.

Pada majlis yang turut dihadiri Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed dan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, Dr Mahathir menjelaskan pakej itu mempunyai lima matlamat, iaitu:

- Menjana aktiviti ekonomi dengan kesan limpahan;

- Menyegerakan pelaksanaan projek kecil dan sederhana sedia ada bagi menjana perniagaan dan

peluang pendapatan bagi perusahaan kecil.

- Mengurangkan kesan kelembapan ekonomi terhadap rakyat miskin serta golongan lain yang tidak berkemampuan.

- Menggalakkan pekerja yang diberhentikan dan graduan menganggur mengikuti program latihan kemahiran serta membantu majikan menambah latihan untuk pekerja yang mungkin diberhentikan, dan

- Menggalakkan pertumbuhan sektor swasta dengan menghapuskan halangan birokrasi di sektor awam dan swasta.

Dr Mahathir berkata, tumpuan pakej itu ialah menjana aktiviti ekonomi supaya dapat memberi kesan limpahan paling besar dan memastikan faedahnya dinikmati lebih ramai rakyat secara adil, termasuk kontraktor Bumiputera dan mereka yang bergantung kepada bantuan kebajikan.

"Dengan pelaksanaan pakej ini, kerajaan yakin kesan negatif terhadap ekonomi Malaysia dapat diminimumkan," katanya.

Perdana Menteri berkata, sebahagian besar daripada peruntukan RM4.3 bilion dalam pakej rancangan baru itu, akan diibiayai menerusi sumber dalaman.

Beliau juga menjelaskan walaupun defisit belanjawan tahun depan akan lebih besar, ia masih dalam lingkungan yang boleh diterima.

Menjawab soalan, Dr Mahathir mahu syarikat tempatan mempertingkatkan pengeluaran dan mencari pasaran baru bagi barangan keluaran mereka.

Katanya, rakyat juga perlu berbelanja bagi menjana perniagaan yang akan memberi kesan berganda kepada ekonomi.

"Mereka patut membelanjakan wang kerana jika mereka mula menyimpan sekarang, perniagaan akan merana. Malah, tujuan kerajaan menyuntik wang ialah supaya rakyat membelanjakan wang," katanya.

Mengenai dasar kerajaan membantu syarikat bermasalah, Perdana Menteri berkata dasar itu kini diterima dunia walaupun negara maju sebelum ini membidas Malaysia kerana kononnya menyelamatkan syarikat berkenaan.

"Hari ini dunia menerima bahawa sekarang adalah waktu yang luar biasa dan syarikat penerbangan perlu dibantu," katanya merujuk langkah Amerika dan beberapa negara maju lain membantu syarikat penerbangan masing-masing.